

SOALAN NO: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]
TARIKH : 31 OKTOBER 2017
SOALAN : 37**

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kadar insiden kes-kes tuberculosi (TB) yang telah di kesan di Malaysia dan jumlah kematian akibat penyakit TB sejak tahun 2013. Apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil untuk mengatasi penyakit TB daripada menular di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya terdapat peningkatan jumlah kes Tibi dari tahun 2013 sehingga tahun 2016 seperti berikut:

- Tahun 2013: **24,071** kes (kadar insiden **81** setiap 100,000 penduduk)
- Tahun 2014: **24,711** kes (kadar insiden **82** setiap 100,000 penduduk)
- Tahun 2015: **24,220** kes (kadar insiden **79** setiap 100,000 penduduk)

- 75
- Tahun 2016: **25,739** kes (kadar insiden **83.4** setiap 100,00 penduduk).
 - Sehingga September, 2017 jumlah kes Tibi adalah **19,427** kes, peningkatan **1,061 kes (6%)** berbanding 18,366 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2016.

Peningkatan kes TB ini adalah selaras dengan usaha Kementerian bagi mengesan awal kes TB melalui program saringan yang telah dijalankan, dan pesakit ini akan dirawat sehingga sembuh dan tidak lagi menyebarkan kuman TB kepada masyarakat. Terdapat peningkatan saringan kontak yang telah dilakukan iaitu dari tahun 2013 (122,091 saringan), 2014 (179,136 saringan), 2015 (189,337 saringan) dan 2016 (188,870 saringan).

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kematian TB pada tahun 2013 adalah **1587** kematian, 2014 adalah **1603** kematian, 2015 adalah **1696** kematian dan 2016 adalah **1945** kematian. Kematian TB diatas adalah merujuk kepada jumlah pesakit TB yang mati ketika dalam rawatan TB.

Hasil analisa audit kematian TB tahun 2016 yang dijalankan mendapati 35% kematian tersebut adalah disebabkan penyakit TB (*direct TB death*), manakala baki 65% adalah bukan disebabkan penyakit TB (*indirect TB death*) seperti penyakit kanser, sakit jantung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah pencegahan yang diambil untuk mengatasi penyakit TB daripada menular di Malaysia adalah seperti berikut;

- i. mengesan awal semua kes tibi dan merawat sehingga sembuh supaya pesakit tidak menjangkiti individu lain.
- ii. melakukan saringan golongan berisiko tinggi Tibi disemua fasiliti kesihatan KKM.
- iii. mengamalkan polisi semua bayi baru lahir diberi imunisasi BCG bagi mengelakkan jangkitan kuman TB yang serius seperti TB miliari dan TB meningitis
- iv. memberi ubatan *isoniazid preventive therapy* (IPT) kepada kontak kanak-kanak yang berumur bawah 5 tahun dan pesakit HIV yang tidak didiagnos penyakit Tibi.
- v. melakukan saringan dan pemeriksaan kesihatan bagi pekerja asing yang hendak bekerja di Malaysia. Pekerja asing ini hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan termasuk saringan Tibi iaitu semasa berada di negara asal sebelum berlepas ke Malaysia. Saringan secara berkala di Malaysia juga dilakukan mengikut polisi yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia selagi pekerja asing ini bekerja di Malaysia.

Kementerian amat komited dan akan sentiasa berusaha mencegah dan mengawal penularan penyakit Tibi di Malaysia.